

MAHATHIR

1978

KUALA LUMPUR, 6 MAC (BERNAMA) — BEBERAPA KAJIAN MENUNJUKKAN PENYERTAAN IQUITI DAN GUNA-TENAGA RAKYAT MALAYSIA KETURUNAN INDIA DI KESELURUHAN SEKTOR PERKILANGAN ADALAH MENGGALAKKAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI.

SEHINGGA TAHUN 1975, PENYERTAAN IQUITI MEREKA TIALAH SEBANYAK KIRA-KIRA \$16.6 JUTA DARI KESELURUHAN JUMLAH IQUITI SEBANYAK \$1,355.6 JUTA, TAMBAH BELIAU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA KIRA-KIRA 22,880 ORANG PEKERJA, IAITU LEBIH DARI 10.9 PERATUS DARI KESELURUHAN TENAGA KERJA DI SYARIKAT-SYARIKAT PERKILANGAN, TERDIRI DARI RAKYAT MALAYSIA KETURUNAN INDIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TELAH BERUCAP DI MAJLIS MAKAN MALAM JUBLI EMAS DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN INDIA SELANGOR DI SINI.

BELIAU BERHARAP DEWAN-DEWAN PERNIAGAAN INDIA DAN GABUNGAN PERNIAGAAN INDIA MALAYSIA AKAN LEBIH AKTIF BEKERJASAMA DENGAN PIHAK KERAJAAN BAGI MENGGALAKKAN PENYERTAAN RAKYAT MALAYSIA KETURUNAN INDIA DI SEKTOR PERKILANGAN DAN PERINDUSTRIAN. — BERSAMBUNG

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN RASA KAGUMNYA TERHADAP PERANAN YANG TELAH DIMAINKAN OLEH PERNIAGA-PERNIAGA MALAYSIA KETURUNAN INDIA DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA TERUTAMA DI BIDANG EKSPORT-IMPORT DAN PERNIAGAAN RUNCIT.

KATANYA, SUMBANGAN MEREKA ITU LEBIH MENKAGUMKAN LAGI MEMANDANGKAN JUMLAH PENDUDUK MALAYSIA KETURUNAN INDIA CUMA SEMBILAN PERATUS SAJA.

BELIAU BERKATA, SAUDAGAR-SAUDAGAR MALAYSIA KETURUNAN INDIA TELAH MEMAINKAN PERANAN AKTIF DI BIDANG EKSPORT-IMPORT SEJAK AWAL ABAD KE-20 LAGI.

MEREKA TELAH MEMONOPOLI BEBERAPA JENIS BARANG SEPERTI BERAS, KAIN SUTERA DAN BAWANG.

KATANYA, AHLI-AHLI DEWAN PERNIAGAAN INDIA SELANGOR TELAH MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MENGEDARKAN BARANG-BARANG TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMUJI DEWAN ITU KERANA MENJALANKAN BERBAGAI KERJA KEBAJIKAN MASYARAKAT, TERMASUK MENUBUHKAN TABUNG BIASISWA DAN MENDERMA KEPADA TABUNG BENCANA NEGARA DAN TABUNG BANTUAN BENCANA BANJIR. — BERNAMA 2103/YF